

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETWO, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23 Mei 2016**

**SOALAN**

Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [ Lipis ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah program yang diwujudkan bagi memastikan golongan sasaran mampu keluar daripada kepompong kemiskinan dan sejauh manakah keberkesanan program tersebut.

## **JAWAPAN**

JAWAPAN : YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sangat komited memberikan pelbagai perkhidmatan kepada golongan sasaran secara menyeluruh yang terdiri daripada golongan kanak-kanak, wanita, warga emas, orang kelainan upaya (OKU), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan kelurga. Selain itu, KPWKM juga turut memberi perhatian kepada golongan sasaran dalam kategori miskin agar mereka mampu keluar daripada kepompong kemiskinan melalui pelbagai program yang dilaksanakan. Antara program yang telah dan sedang dijalankan adalah melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah. Program 1AZAM adalah sebuah program yang berteraskan kebajikan produktif atau 'productive welfare' dengan menyediakan peluang menjana pendapatan dalam bidang perniagaan (AZAM Niaga) dan perkhidmatan (AZAM Khidmat) yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), bidang pertanian (AZAM Tani) diterajui oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), bidang pekerjaan (AZAM Kerja) diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia (MOHR) serta Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak sebagai agensi pelaksana bagi semua jenis Program 1AZAM tersebut. Bagi tempoh Januari 2010 hingga 31 Disember 2015, Program 1AZAM telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan sejumlah 190,799 orang dari seluruh negara dan seramai 38,838 orang peserta adalah daripada Program 1AZAM (Niaga dan Khidmat) KPWKM. Daripada jumlah 190,799 orang peserta tersebut, terdapat seramai 85,866 (45%) orang peserta daripada tahun 2012 sehingga 2015 telah berjaya meningkatkan pendapatan masing-masing. Daripada jumlah tersebut, seramai 15,904 orang peserta 1AZAM daripada bulan Januari hingga Disember 2012 telah berjaya meningkatkan pendapatan keluarga hingga mele过asi Paras Garis Kemiskinan (PGK) manakala seramai 7,936 orang peserta telah meningkatkan pendapatan keluarga melebihi RM200. Manakala bagi tahun 2013 sehingga 31 Disember 2015, terdapat seramai 62,026 orang peserta Program 1AZAM telah meningkatkan pendapatan keluarga melebihi RM300. Hal ini menunjukkan bahawa Program 1AZAM berjaya mengeluarkan golongan berpendapatan rendah dari kepompong kemiskinan selaras dengan konsep kebajikan produktif yang diwar-warkan oleh Kementerian. Di samping itu, berdasarkan kepada Analisa Impak Peserta Program 1AZAM yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian, didapati bahawa Program 1AZAM (Niaga dan Khidmat) KPWKM telah mencapai matlamat utama program tersebut iaitu untuk mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah serta mengubah daya pemikiran peserta untuk menjadi lebih berdikari. Sehubungan itu, Program ini akan diteruskan lagi dan telahpun memasuki fasa 3: 2016-2010 dan fokusnya adalah kepada pemerkasaan Isirumah Berpendapatan 40 peratus Terendah (B40) ke arah negara berpendapatan tinggi selaras dengan aspirasi RMKe-11. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) melalui JKM juga sentiasa berusaha membangun dan memperkasa golongan miskin yang menerima bantuan agar mampu berdikari dan keluar daripada senarai penerima bantuan kerajaan bagi saraan hidup. Dalam memastikan usaha tersebut tercapai JKM telah merangka program melaui pendekatan Productive Welfare dengan membuat penempatan pekerjaan samada bekerja dengan majikan atau bekerja sendiri, memberi kemahiran dan latihan yang bersesuaian dengan minat kerjaya klien serta pemberian dana melalui Bantuan Geran Pelancaran (BGP) iaitu pemberian geran dengan kadar maksimum RM2,700 sekaligus, program 1AZAM, ataupun rujukan ke agensi pemberi pinjaman mikro kredit untuk memulakan perniagaan berskala kecil. Dari tahun 2010 sehingga Februari 2016, seramai 5,031 orang telah menerima BGP dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM14.762 juta. Daripada jumlah tersebut seramai 938 orang iaitu 19% daripada jumlah keseluruhan penerima BGP telah memperolehi pendapatan tambahan daripada pendapatan sediaada melebihi RM300 sebulan. Selain itu, seramai 4,926 orang penerima bantuan telah menerima bantuan barang perniagaan di bawah program 1AZAM KPWKM. Tuan yang Dipertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga, melalui Jabatan Pembangunan Wanita, menjalankan program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) dan Inkubator Keusahawanan Wanita (I-

KeuNita) yang merangkumi bidang seperti jahitan, kecantikan, pembuatan pastri dan asuhan kanak-kanak. Bagi tempoh 2008 hingga 31 Disember 2015, seramai 5,082 orang ibu tunggal telah dilatih dibawah program I-KIT dan daripada jumlah ini, seramai 2,359 orang telah berjaya menjadi usahawan serta meningkatkan pendapatan mereka sebanyak 50% daripada pendapatan asal selepas enam (6) bulan mengikuti program. Bagi program Inkubator Keusahawanan Wanita (I-Keunita) pula, ia dilaksanakan pada tahun 2010 dan 2013 serta diteruskan sehingga kini. Jumlah peserta yang telah mengikuti program pada tahun 2010 dan dari 2013 hingga 31 Disember 2015 ialah 7,719 orang. Daripada jumlah ini seramai 1,446 orang telah berjaya menjadi usahawan serta meningkatkan pendapatan.

